

KESAN PENGGUNAAN KAEDAH IMEJ VISUAL DALAM MENGATASI MASALAH PENGGUNAAN HURUF BESAR DAN HURUF KECIL PENULISAN BAHASA MELAYU MURID TAHUN LIMA

Oleh

Amirah Khairunnisa bt Jaafar
amirah_khairunnisa@yahoo.com

ABSTRAK

Penyelidikan tindakan ini dijalankan untuk mengkaji kesan penggunaan kaedah imej visual dalam membantu dua orang murid Tahun Lima dari segi penggunaan huruf besar dan huruf kecil yang betul. Selain itu, penyelidikan ini turut memberi ruang kepada saya untuk menambah baik amalan keguruan saya dalam mata pelajaran Bahasa Melayu berhubung aspek penggunaan huruf besar dan huruf kecil melalui pengenalan kaedah imej visual. Kaedah imej visual yang diperkenalkan ini adalah berpandukan Teori Kecerdasan Pelbagai Gardner (1983). Data dikumpul melalui pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen; dan kemudian dianalisis menggunakan analisis kandungan dan pola. Triangulasi sumber dan kaedah dilaksanakan untuk menyemak data. Dapatan kajian menunjukkan kaedah imej visual berupaya membantu peserta kajian mengurangkan masalah penggunaan huruf besar dan huruf kecil dalam penulisan Bahasa Melayu. Di samping itu, kaedah ini juga meningkatkan amalan saya sebagai penyelidik dan guru Bahasa Melayu.

Kata kunci: Kaedah imej visual, Teori Kecerdasan Pelbagai Gardner, penggunaan huruf besar, penggunaan huruf kecil, penulisan Bahasa Melayu

ABSTRACT

This action research was conducted to study the effect of using visual image method in helping two Primary Five pupils use correct uppercase and lowercase letters in their writing. Besides, this study also provided me the opportunity to improve my teaching practices regarding the use of uppercase and lowercase letters based on visual image method in writing. The visual image is based on Gardner's Theory of Multiple Intelligences (1983). The data were gathered through observation, interviews and document analysis and then analysed using content analysis and pattern analysis. The data were then checked using triangulation of sources and method. The study showed that the visual image method reduced the participants' problems in using uppercase and lowercase letters in their writing. Apart from that, this method also helped me to develop myself as a researcher and Malay Language teacher.

Keywords: Visual image method, Gardner's Multiple Intelligences Theory, uppercase letters, lowercase letters, Malay Language writing

PENGENALAN

Refleksi Pengalaman Pengajaran dan Pembelajaran

Saya telah menjalani dua praktikum sebelum ini yang merupakan sumber pengalaman serta bekalan untuk praktikum terakhir fasa tiga. Saya menjalani selama satu bulan di SK Air dan menjalani selama dua bulan di SK Batu. Untuk praktikum fasa tiga pula, saya menjalani latihan mengajar selama tiga bulan di SK Campur. SK Campur terletak di tengah-tengah bandar raya Kuching dan jumlah murid di sekolah ini agak besar iaitu menjangkau 700 orang murid. SK Campur hanya mempunyai satu sesi persekolahan sahaja. Ketiga-tiga fasa praktikum termasuk fasa yang terakhir telah memberi peluang untuk saya mengajar kelas Tahun 5.

Antara isu yang paling jelas semasa ketiga-tiga fasa praktikum ialah masalah murid menggunakan huruf besar dan huruf kecil. Hal tersebut bergantung sama ada murid itu mempunyai masalah kekeliruan atau kecuaiian dalam penggunaan huruf besar dan huruf kecil. Pada mulanya, saya menganggap perkara tersebut tidak penting. Naun, memandangkan murid-murid yang saya ajar merupakan tahap dua, saya mulai risau kerana pada tahun seterusnya mereka akan menjalani Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS). Kesalahan yang melibatkan penggunaan huruf besar dan huruf kecil serta tanda baca boleh menyebabkan penolakan markah murid dalam penulisan. Jadi, isu inilah yang telah saya fokuskan sebagai fokus kajian saya.


Kemahiran menulis sangat diperlukan dalam mana-mana subjek yang diajar di sekolah. Oleh itu, murid-murid perlu dibimbing dalam aspek penulisan supaya mereka boleh mengaplikasikannya untuk subjek yang lain seperti Sains dan Pendidikan Sivik. Tambahan pula, pada praktikum fasa tiga, semua guru pelatih termasuk saya diberi peluang untuk membuat kajian. Saya sangat berbesar hati dan dengan seluruh tekad yang ada, saya ingin membantu murid-murid saya dalam mengurangkan masalah yang mereka hadapi iaitu kekeliruan penggunaan huruf besar dan huruf kecil dalam penulisan melalui penggunaan imej visual.

Fokus Kajian


Kajian saya bermula apabila saya masuk ke kelas 5 C pada hari yang keempat dalam minggu pertama praktikum bermula. Pada mulanya, membuat pemerhatian secara rawak bagaimana tingkah laku murid-murid yang bakal saya ajar dan saya memberi mereka aktiviti imlak yang ringkas. Saya telah mengesan bahawa masalah murid saya yang paling ketara ialah kekeliruan dan kecuaiian dalam penggunaan huruf besar dan huruf kecil dalam penulisan di samping penggunaan tanda baca yang salah. Hampir separuh daripada murid-murid yang saya ajar mempunyai masalah yang sama namun, saya telah fokuskan kepada empat orang murid iaitu Doe, Ray, Mie dan Far (bukan nama sebenar). Oleh sebab masalah rekod kehadiran yang tidak konsisten, Mie dan Far terpaksa saya gugurkan daripada peserta kajian ini.

Matlamat utama saya ialah di akhir praktikum saya nanti, Doe dan Ray dapat mengurangkan masalah kekeliruan penggunaan huruf besar dan huruf kecil dalam penulisan Bahasa Melayu melalui penggunaan imej visual. Kecuaian dalam


penggunaan huruf besar dan huruf kecil wujud dalam penulisan murid saya di samping masalah kekeliruan dalam penggunaan huruf besar dan huruf kecil. Antara contoh-contoh penggunaan yang salah dalam tanda baca mereka adalah seperti yang ditunjukkan pada Rajah 1, 2 dan 3.



Rajah 1. Kekeliruan murid dengan huruf besar dan huruf kecil yang sama rupa



Rajah 2. Kekeliruan dalam memahami Kata Nama Khas dan Kata Nama Am.



Rajah 3. Kecuaian dalam penggunaan huruf besar dan huruf kecil dalam penulisan.

Kajian ini dilaksanakan dalam kelas yang saya ajar. Malahan penyelidik lepas (Carmelya Loyanto Bronie) menggunakan kaedah imej visual ini ke atas murid-muridnya. Setiap murid mempunyai kecerdasan ruang visual dalam diri mereka. Namun begitu, kaedah ini tidak sesuai untuk murid sekolah menengah kerana mengikut Havighurst (1952) dalam Shahabuddin Hashim, Mahani Razali dan Ramlah Jantan (2003)

“Individu yang berada dalam lingkungan umur 12 sehingga 18 tahun berkeupayaan membentuk gaya belajar mereka sendiri yang kadang kala tidak sama dengan yang dipraktikkan sebelum ini. Mereka berusaha sendiri memperoleh kemahiran belajar dan menjejaskan pengetahuan tanpa terikat dengan petunjuk orang dewasa.” (ms 45)

Kajian ini adalah bagi memastikan murid-murid sentiasa ingat untuk menggunakan huruf besar dan huruf kecil dengan betul mengikut penggunaan kata nama am dan kata nama khas yang betul dan menulis huruf besar pada setiap huruf pertama dalam perkataan awal bagi sesebuah ayat serta menggunakan tanda baca yang betul.

Objektif Kajian

Tujuan utama kajian ini adalah untuk mengurangkan masalah penggunaan huruf besar dan huruf kecil dalam penulisan dua orang murid Tahun 5C melalui penggunaan imej visual dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Di samping itu, kajian ini bertujuan menambah baik amalan saya dalam penggunaan imej visual sebagai bahan bantu belajar untuk mengurangkan masalah kekeliruan penggunaan huruf besar dan huruf kecil dalam penulisan murid Tahun Lima.

Persoalan Kajian

Kajian ini dibuat untuk menjawab persoalan seperti berikut.

- Apakah kesan penggunaan imej visual terhadap kekeliruan penggunaan huruf besar dan huruf kecil dalam penulisan dua orang murid Tahun 5C?
- Bagaimanakah penggunaan imej visual menambah baik amalan saya dalam mengatasi kekeliruan penggunaan huruf besar dan huruf kecil dalam penulisan?

PERANCANGAN DAN PELAKSANAAN TINDAKAN

Perancangan Tindakan

Penggunaan imej visual

Mengikut Model Gardner (1983), setiap individu mempunyai kesemua lapan kecerdasan tetapi pada tahap perkembangan yang berlainan. Salah satu kecerdasan yang terdapat dalam Teori Kecerdasan Pelbagai Gardner ialah Kecerdasan Visual Ruang yang berkait rapat dengan kajian ini. Menurut Gardner (1983), “kecerdasan visual ruang yang ada pada manusia membolehkan manusia mencipta gambaran mental dan mengamati dunia visual, peka terhadap warna, garis, bentuk dan ruang” (terjemahan,42).

Dalam kajian ini, saya telah menggunakan gabungan visual, warna dan simbol bagi menarik perhatian murid serta meningkatkan ingatan mereka terhadap fokus utama kajian ini iaitu mengenai penggunaan huruf besar dan huruf kecil dalam penulisan.

Mohammad Nasir Ibrahim dan Ibrahim Hassan (2003) menyatakan bahawa melalui seni visual, "kita dapat menggambarkan proses, membuat hubung kait dan membayangkan prinsip-prinsip teori yang tidak dipertimbangkan ataupun dialami sebelum ini" (ms. 96). Ini bermakna, seni visual dapat memperkembangkan kognitif manusia dan memudahkan proses mengingat.

Tinjauan Literatur Penggunaan Huruf Besar dan Huruf Kecil

Kamarudin Hj Husin (1988) menyatakan bahawa "tulisan ialah bahasa yang bertulis dengan lambang- lambang bunyi. Ketika tulisan itu dibunyikan semula, ia dikatakan bahasa" (ms 178).

Oleh sebab itu, kemahiran menulis mestilah dikuasai oleh murid semenjak daripada sekolah rendah lagi sebelum masuk ke alam sekolah menengah untuk mengelak permasalahan yang berkaitan dengan kemahiran menulis berlaku seperti kekeliruan dalam penggunaan huruf besar dan huruf kecil dalam penulisan.

Kemahiran menulis merujuk kepada keupayaan murid menulis perkataan dan ayat dan mengeluarkan idea melalui pelbagai jenis penulisan yang berkaitan dengan ilmu pengetahuan dan pengalaman peribadi yang dilalui. Penekanan dalam kemahiran menulis ialah terhadap penggunaan ayat yang gramatis, tanda baca dan ejaan yang betul, di samping tulisan yang jelas, cantik dan kemas.

Menurut Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa dan Abdullah Hamid Mahmood (2007), kata nama am ialah perkataan yang merujuk kepada benda atau perkara yang umum sifatnya. Kata nama am dapat dibahagikan kepada dua jenis, iaitu kata nama am konkrit dan kata nama am abstrak. Dari aspek penulisan kata nama am, huruf pertama tidak semestinya huruf besar. Kata nama khas ialah kata yang mendukung makna rujukan khusus pada sesuatu nama orang, haiwan, benda, perbadanan (institusi), undang-undang, bangsa, bahasa, pangkat dan seumpamanya. Dalam tulisan, huruf pertama kata nama khas ditulis dengan huruf besar.

Zailan Jemat (2005) ada menyatakan bahawa huruf besar tidak boleh dituliskan di tengah sesuatu perkataan kerana perbuatan itu merupakan suatu kesalahan tanda baca. Hal tersebut merupakan masalah yang dihadapi oleh salah seorang peserta kajian saya. Kaedah imej visual dipilih bagi membantu masalah murid dalam menggunakan huruf kecil pada huruf pertama perkataan pertama sesebuah ayat, menggunakan huruf kecil pada Kata Nama Khas dan menggunakan huruf besar pada Kata Nama Am. Selain itu, penyelidikan yang telah Jerome Agong, Jamurah Galitang dan Sobina Boisi (2008) laksanakan dengan menggunakan kaedah gambar dan saya mendapati murid-murid diajar menulis ayat menggunakan perkataan yang diberi berdasarkan gambar dengan betul.

Campbell (1989) menggunakan Teori Kecerdasan Pelbagai sebagai teknik bagi menarik perhatian murid-murid dalam P&P dalam bilik darjah. Hasil daripada kajian beliau mendapati murid-murid menunjukkan kemajuan yang baik dalam pelajaran termasuklah dari segi kemahiran dan disiplin. Selain daripada membantu murid-murid untuk belajar, Campbell telah dapat memperkembangkan pelbagai kemahiran murid.

Ribot (2004) menyatakan pengalamannya menggunakan Kecerdasan Pelbagai dalam mengajar Bahasa Inggeris. Beliau melaporkan keputusan yang agak memuaskan. Bagi kecerdasan imej visual, beliau telah memperkenalkan satu aktiviti kepada murid-murid beliau iaitu "My city in a box" yang merupakan satu pembelajaran koperatif. Murid-murid diminta untuk membina bangunan yang mereka pernah lawati dengan menggunakan kadbod, kotak kecil dan kertas warna. Selesai aktiviti tersebut, beliau mengatakan bahawa "saya amat terkilan melihat murid-murid telah berjaya mencipta objek-objek tambahan seperti perabot, pintu dan jendela. Ini telah memberi peluang kepada saya untuk memperkenalkan lebih banyak kosa kata pada hari tersebut" (ms. 52).

Carmelya (2010) telah menggunakan imej visual untuk membantu mengurangkan masalah murid dalam penggunaan huruf besar dan huruf kecil dalam penulisan yang mana beliau menggunakan 'keluarga ayam' sebagai bahan bantu utama untuk mengatasi masalah penggunaan huruf kecil pada huruf pertama dalam perkataan pertama pada sesebuah ayat dalam penyelidikan beliau. Penyelidikan beliau berakhir dengan sebuah kejayaan yang bermakna kerana beliau berjaya mengatasi masalah yang murid beliau hadapi.

Pelaksanaan Tindakan

Saya telah melaksanakan lima tindakan bermula daripada 19 Mac 2012. Gambar simbol dilekatkan di hadapan kelas sebagai panduan atau rujukan murid. Langkah ansur maju juga dilaksanakan bermula daripada tindakan yang ketiga iaitu tidak melekatkan lagi gambar simbol di hadapan kelas. Gambar simbol tersebut terdiri daripada ikan merah, ibu itik, anak itik dan bapa itik. Rajah di bawah menjelaskan lagi penggunaan gambar simbol apabila diaplikasi ke dalam penulisan.

Anak ayam Pak Ali sudah makan.

- Huruf besar (A) mestilah ditulis di setiap awal perkataan pertama di permulaan ayat. (**Ibu itik**)
- Perkataan (ayam) ialah kata nama am dan terletak di tengah-tengah ayat. Jadi hendaklah ditulis dengan huruf kecil. (**Anak itik**)
- Perkataan (Pak Ali) ialah kata nama khas yang terletak di tengah-tengah ayat. Walaupun begitu, huruf pertama pada setiap kata nama khas mestilah ditulis dengan huruf besar. (**Bapa itik**)
- Noktah mestilah diletakkan di setiap penghujung ayat. (**Ikan merah**)

Rajah 4. Contoh penggunaan huruf besar dan huruf kecil dalam penulisan dengan betul.

Jadual di bawah menunjukkan jadual pelaksanaan tindakan yang diambil terhadap Doe dan Ray menggunakan huruf besar dan huruf kecil yang betul melalui kaedah imej visual.

Jadual 1

Pelaksanaan Tindakan terhadap Doe dan Ray

Bil	Tarikh	Tindakan
1	19 Mac 2012	Mengenal pasti kesilapan penggunaan huruf besar dan huruf kecil, ejaan dan tanda baca dengan betul dalam petikan berpandukan imej visual.
2	4 April 2012	Mengimlak petikan ringkas yang dibacakan oleh guru berpandukan imej visual.
3	10 April 2012	Mengimlak petikan yang dibacakan oleh guru secara bersyarat (<i>syarat-syarat: imej visual tidak ditayangkan di hadapan kelas dan ulangan perkataan maksimum hanya tiga kali</i>).
4	19 April 2012	Menjawab soalan pemahaman tanpa imej visual.
5	24 April 2012	Ujian pencapaian peserta dalam penggunaan huruf besar dan huruf kecil serta tanda baca secara betul.

METODOLOGI

Peserta Kajian

Penyelidikan ini melibatkan dua orang murid Tahun 5C yang terdiri daripada murid lelaki iaitu Doe dan Ray. Kedua-dua murid ini boleh membaca dengan lancar dan boleh membina ayat tunggal dan majmuk dengan baik. Walau bagaimanapun, Doe dan Ray tidak menitikberatkan penggunaan huruf besar dalam penulisan mereka. Oleh itu, penyelidikan tindakan ini dijalankan sekurang-kurangnya bagi mengurangkan masalah yang mereka hadapi. Pada masa yang sama, penyelidikan ini boleh menambah baik amalan pengajaran saya dalam Bahasa Melayu. Doe ialah murid yang mempunyai pencapaian akademik yang sederhana dalam kelasnya manakala Ray pula sebaliknya. Ray ialah murid yang mendapat kedudukan terbaik dalam kelas 5C pada semester pertama.

Etika Penyelidikan

Saya telah meminta kebenaran secara lisan terlebih dahulu sebelum menyerahkan surat memohon kebenaran daripada ibu bapa dan penjaga secara bertulis kepada peserta kajian.

Kaedah Mengumpul Data

Antara kaedah mengumpul data yang saya gunakan dalam kajian ini ialah pemerhatian, analisis dokumen, dan temu bual. Kaedah pemerhatian secara langsung telah saya pilih kerana kerana ini mudah serta menyeluruh. Kaedah ini tidak memerlukan apa-apa peralatan khusus melainkan pen dan kertas sahaja.

Instrumen yang saya gunakan dalam teknik pemerhatian ini ialah catatan refleksi dan nota lapangan. Catatan refleksi ditulis selepas setiap kali berlangsungnya P&P yang melibatkan aktiviti yang berkaitan dengan kajian ini. Berikut merupakan contoh catatan refleksi yang saya gunakan.

Masih ramai murid tidak dapat membezakan Kata Nama Am dan Kata Nama Khas walaupun telah diajar oleh guru asal mereka. Hal ini mungkin akan menyukarkan saya dalam penyelidikan ini kerana ia memakan masa yang agak lama untuk mereka faham tentang hubungan antara penggunaan huruf besar dan huruf kecil dengan kata nama am dan kata nama khas.


(Catatan refleksi, 19 Mac 2012)

Nota lapangan pula dicatat semasa saya membuat pemerhatian terhadap tingkah laku atau perubahan sikap peserta kajian yang menarik pemerhatian saya. Setiap tingkah laku peserta kajian yang unik secara khususnya dicatat. Contoh nota lapangan saya yang dicatat pada 23 Mac 2012 adalah seperti berikut.

Hari ini Ray datang lewat ke sekolah kebetulan P&P BM hari ini ialah awal pagi. Isnin lepas juga Ray lambat semasa perhimpunan pagi hari Isnin. Apabila ditanya mengapa lambat, Ray cuma tunduk. Saya tidak mahu menambahkan stress Ray tetapi saya hanya mengingatkannya supaya datang awal ke kelas pada masa akan datang supaya tidak dihukum.

(Nota lapangan saya, 23 Mac 2012)

Saya turut menggunakan analisis dokumen dalam bentuk hasil kerja murid. Setelah saya memperkenalkan kaedah yang saya rancang, saya menganalisis dan menyemak secara terperinci buku latihan dan lembaran kerja sama ada dalam bahagian penulisan, tatabahasa, pemahaman atau ujian mengimlak supaya saya dapat menilai tahap perkembangan murid dalam menguasai kemahiran berkenaan. Rajah 5 ialah contoh analisis dokumen yang saya guna untuk mengumpul data kajian ini iaitu lembaran kerja murid.



Rajah 5. Lembaran kerja penulisan Bahasa Melayu Ray.

Saya juga telah menemu bual guru-guru yang mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu untuk mengenal pasti sama ada murid-murid yang dipilih turut membuat kesilapan yang sama. Saya turut menemu bual guru yang mengajar Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan dan Sains bagi Tahun 5C pada 21 Mac 2012. Soalan-soalan yang saya tanyakan adalah seperti berikut.

- Adakah murid-murid ini dapat menulis dengan baik semasa P&P cikgu?
- Daripada hasil penulisan mereka (murid-murid 5C), adakah mereka mengalami masalah dari segi penggunaan huruf besar dan huruf kecil dalam penulisan?

Saya juga telah mendapatkan maklum balas daripada murid-murid yang dipilih sebagai peserta kajian. Saya telah bertanya sama ada kaedah imej visual yang saya rancang berkesan atau tidak mengikut pemahaman mereka mengenai penggunaan huruf besar dan huruf kecil dalam penulisan. Saya melaksanakan kaedah temu bual selepas memperkenalkan kaedah imej visual kepada murid-murid dalam bilik darjah. Soalan temu bual murid adalah seperti berikut.

- Adakah awak faham tentang imej yang saya gunakan?
- Apakah yang awak faham mengenai imej yang saya gunakan?

Teknik Menganalisis Data

Untuk kajian ini, saya telah menggunakan kaedah analisis kandungan bagi menganalisis data yang telah diperoleh. Data dalam bentuk teks dianalisis kandungannya dari segi penggunaan huruf besar dan huruf kecil dalam penulisan murid-murid daripada lembaran kerja, buku penulisan dan buku aktiviti murid-murid. Seterusnya ialah huraian mengenai langkah-langkah analisis kandungan kajian ini.

Langkah 1 : Membaca data dan meneliti kandungan

Data yang dikumpul ialah daripada hasil penulisan murid-murid. Data tersebut telah dibaca dan diteliti untuk mendapat kepastian tentang masalah yang dihadapi oleh murid-murid. Kandungan ayat-ayat yang ditulis juga telah diteliti untuk dikenal pasti sama ada ayat yang ditulis merupakan ayat yang gramatis dan penggunaan tanda baca (huruf besar dan huruf kecil serta noktah) yang betul.

Langkah 2 : Memilih dan mengekod data

Hasil penulisan murid-murid telah dipilih dan saya lebih fokus kepada Doe dan Ray. Huruf-huruf yang murid-murid tulis haruslah ditulis dengan betul dalam penggunaan huruf besar dan huruf kecil serta noktah. Kesalahan akan direkod sama ada murid masih keliru dengan penggunaan huruf tersebut.

Langkah 3 : Mempamerkan data dalam bentuk jadual

Jadual perkembangan murid telah disediakan untuk meneliti perkembangan mereka dalam penguasaan penggunaan huruf besar dan huruf kecil dalam penulisan. Hasil data daripada jadual digunakan untuk mengenal pasti masalah dalam penggunaan huruf besar dan huruf kecil Doe dan Ray. Huraian dan catatan serta andaian awal dinyatakan sebelum saya bertanya kepada Doe dan Ray dengan lebih lanjut untuk mengetahui masalah sebenar mereka supaya saya dan peserta kajian saya dapat membuat penambahbaikan pada P&P seterusnya.

Teknik Menyemak Data

Teknik triangulasi sumber dan triangulasi kaedah digunakan bagi menyemak data yang diperoleh. Saya telah meminta guru subjek Bahasa Melayu Tahun 5C iaitu Cikgu Shamsudin untuk bersama-sama menyemak ayat murid serta meneliti semula rancangan pengajaran harian saya agar masalah dapat dikenal pasti dengan lebih mudah. Saya juga telah meminta bantuan daripada rakan praktikum saya, Cik Baiziela dan rakan penyelidik yang lain Cik Zahratul untuk membantu menyemak semula lembaran kerja murid yang dikenal pasti membuat kesilapan dalam penggunaan huruf besar dan huruf kecil dalam penulisan yang banyak.

REFLEKSI

Refleksi Dapatan

- **Apakah kesan penggunaan imej visual terhadap kekeliruan penggunaan huruf besar dan huruf kecil dalam penulisan dua orang murid Tahun 5C?**

Tindakan Pertama

Pada 19 Mac 2012, saya telah mula memperkenalkan kaedah yang telah saya rancang bagi mengatasi kelemahan penggunaan huruf besar dan huruf kecil dalam penulisan. Semasa memperkenalkan kaedah ini kepada murid-murid, saya dapati tiada masalah bagi murid-murid untuk memahami konsep penggunaan huruf besar dan huruf kecil dalam penulisan. Pada hari yang sama, saya membuat tindakan yang pertama iaitu mengenal pasti kesilapan penggunaan huruf besar dan huruf kecil, ejaan dan tanda baca dengan betul dalam petikan kemudian menyalin semula maklumat ke bentuk maklumat baharu yang betul.

Akan tetapi, hasil kerja Doe dan Ray tidak begitu memuaskan kerana kesilapan saya sendiri yang menggabungkan dua kemahiran terus pada tindakan yang pertama iaitu kemahiran mengenal pasti dan kemahiran membentuk maklumat baharu daripada maklumat lama.

Tindakan Kedua

Pada 4 April 2012, saya menguji kemahiran mendengar murid sekaligus menguji Doe dan Ray dari segi tahap penguasaan penggunaan huruf besar dan huruf kecil dalam penulisan melalui aktiviti mengimlak petikan ringkas yang dibacakan oleh guru. Sebelum memulakan aktiviti menulis, gambar-gambar keluarga itik dilekat di papan tulis terlebih dahulu seperti biasa. Bagi pelaksanaan aktiviti ini, saya berperanan sebagai pembaca petikan dan murid-murid dikehendaki untuk menyalin semula apa yang telah saya bacakan. Sekiranya murid tidak jelas dengan perkataan yang dibaca, saya mengulangi bacaan ayat sehingga mereka jelas akan perkataan atau ayat tersebut.

Dalam tindakan ini, hasil kerja Doe dan Ray sangat menunjukkan peningkatan yang positif. Doe hanya melakukan satu kesilapan iaitu tidak menggunakan huruf besar pada kata nama khas. Manakala Ray pula juga melakukan satu kesilapan iaitu tidak menggunakan huruf besar di hadapan ayat.

Tindakan Ketiga

Setelah membuat ujian imlak pada 4 April 2012 dan mendapati hasil kerja Doe dan Ray lebih baik berbanding hasil kerja mereka yang bertarikh 19 Mac 2012. Namun begitu, masih terdapat kesilapan dalam penggunaan huruf besar dan huruf kecil dalam penulisan mereka. Jadi, saya sekali lagi membuat ujian mengimlak untuk murid-murid terutama sekali untuk Doe dan Ray sebagai langkah intensif untuk menguji tahap penguasaan penggunaan huruf besar dan huruf kecil dalam penulisan mereka melalui tindakan tiga iaitu mengimlak petikan yang dibacakan oleh guru secara bersyarat.

Tiga syarat yang dikenakan ialah tidak melekatkan imej visual sebagai langkah ansur maju, mengulangi perkataan yang dilafazkan maksimum tiga kali dan membanyakkan lagi perkataan dalam petikan berbanding tindakan dua. Hasil kerja

Doe dan Ray sekali lagi mengecewakan saya dan tidak konsisten. Menurut pemerhatian saya, mereka berdua tidak teliti dalam membuat tindakan tiga ini berdasarkan analisis yang telah dibuat.

Tindakan Keempat

Apabila saya melihat buku latihan murid Doe yang bertarikh 10 April 2012 iaitu aktiviti yang berkaitan dengan menjawab soalan pemahaman. Saya mendapati Doe tidak peka dengan penggunaan huruf besar dan huruf kecil serta tanda baca secara betul dalam menjawab soalan pemahaman. Dia hanya mengaplikasikan kaedah tersebut ke dalam bentuk penulisan petikan dan ayat tunggal atau ayat majmuk.

Ini merupakan kesilapan saya sendiri kerana tidak mempelbagaikan rancangan tindakan untuk mengenal pasti masalah murid-murid. Pada 19 April 2012, saya telah melaksanakan satu lagi tindakan khusus untuk aktiviti menjawab soalan pemahaman menggunakan huruf besar dan huruf kecil dengan betul tanpa melekatkan imej visual sebagai pengekalan langkah ansur maju. Hasil kerja Doe dan Ray dalam tindakan ini menunjukkan peningkatan positif sekali lagi iaitu hanya satu kesilapan dilakukan oleh Doe dan Ray.

Tindakan Akhir

Ujian pencapaian peserta dalam penggunaan huruf besar dan huruf kecil serta tanda baca secara betul dilaksanakan bagi mengenal pasti kesan kaedah ini dalam mengatasi masalah Doe dan Ray dalam menggunakan huruf besar dan huruf kecil serta tanda baca secara betul. Terdapat dua fasa dalam ujian ini.

Pertama, saya memberi pilihan huruf-huruf besar dan huruf-huruf kecil seperti huruf "K", huruf "k", huruf "S", huruf "s", huruf "P", huruf "p" dan huruf-huruf lain. Dalam pilihan tersebut, mereka akan menunjukkan kepada saya huruf-huruf yang telah saya sebut. Untuk membuktikan ujian ini berlangsung dengan jayanya tanpa unsur bias, saya meminta rakan praktikum saya Cik Baiziela untuk membuat pemerhatian semasa mereka menjalani ujian ini. Ujian pencapaian peserta ini dilaksanakan setelah tamat sekolah. Cik Baiziela menjadi penyemak dan saya sebagai penyoal. Keputusannya ialah Doe dan Ray berjaya menjawab semua soalan dengan betul.

Bagi fasa kedua pula, saya membuat ujian mengimlak pada aras yang sukar untuk Doe dan Ray. Ini kerana kandungan petikan mempunyai banyak 'Kata Nama Khas' digunakan serta huruf-huruf seperti "k", "s" dan "p" banyak terdapat dalam petikan untuk mengetahui tahap pencapaian murid-murid sama ada faham atau tidak dengan ujian fasa satu. Jumlah perkataan pada petikan ialah 60 patah perkataan sahaja.

Kesimpulannya, walaupun kesilapan Doe meningkat daripada tindakan yang lepas, saya tetap berpuas hati dan menganggap kajian ke atas Doe berjaya kerana petikan untuk ujian pencapaian ini merupakan aras yang tinggi untuk tahap Doe. Walau bagaimanapun, saya dapat melihat peningkatan yang positif pada Doe dari sudut lain iaitu kekemasan kerja yang Doe lakukan. Walaupun kesilapan Ray juga meningkat daripada tindakan yang lepas, saya tetap berpuas hati dan menganggap kajian ke atas Ray berjaya kerana petikan untuk ujian pencapaian ini merupakan aras yang tinggi untuk tahap Ray. Walau bagaimanapun, saya dapat melihat

peningkatan yang positif pada apabila Doe lebih yakin dan berani meluahkan perasaan kepada saya melalui surat yang ditulisnya sendiri.

- **Bagaimanakah penggunaan imej visual menambah baik amalan saya dalam mengatasi kekeliruan penggunaan huruf besar dan huruf kecil dalam penulisan?**

Penggunaan kaedah imej visual memudahkan lagi saya untuk membaiki kesalahan murid-murid terutamanya Doe dan Ray dalam penggunaan tanda baca, khususnya menggunakan huruf besar dan huruf kecil dalam penulisan Bahasa Melayu. Saya tidak perlu untuk mengingatkan mereka tentang penggunaan huruf besar dan huruf kecil dalam penulisan secara lisan lagi tetapi saya menggantikan dengan menggunakan gambar-gambar keluarga itik sebagai simbol yang melambangkan maksud-maksud tersendiri.

Campbell (2003) dalam kajian beliau yang menggunakan kaedah kecerdasan pelbagai dalam P&P beliau menyatakan, "Saya telah menambah baik kemahiran saya dari segi melukis dan mewarna. Saya mula melihat perkembangan dalam diri saya sendiri. Saya juga telah mula berfikir, siapa sebenarnya yang telah menunjukkan perkembangan yang lebih? Murid-murid saya atau saya sendiri?" (terjemahan,ms 7). Begitu juga dengan saya, saya telah menambah baik kemahiran mewarna saya dengan mewarnakan sendiri semua imej visual yang digunakan sebagai bahan bantu belajar tersebut.

Di samping itu, hubungan saya dengan murid-murid saya menjadi lebih akrab. Saya dapat menyelami emosi mereka lebih-lebih lagi jika keadaan mereka yang kurang memberangsangkan ketika P&P berlangsung atau hasil kerja mereka yang kurang mantap.

Refleksi Penilaian Tindakan

Pelaksanaan penyelidikan tindakan ini berlangsung dengan jayanya kerana murid-murid saya telah memberi kerjasama dan saya berasa amat berpuas hati. Pada mulanya, murid-murid menunjukkan sikap yang kurang berminat dengan P&P dan tidak memberi perhatian sehinggalah saya menggunakan kaedah imej visual. Kaedah ini bukan sahaja menarik minat perhatian murid, tetapi kaedah ini telah meningkatkan lagi prestasi murid-murid dalam penggunaan huruf besar dan huruf kecil dalam penulisan bukan sahaja dalam Bahasa Melayu tetapi dalam subjek lain seperti Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan dan Sains.

Doe melakukan kesilapan dalam menulis 'S' besar di tengah-tengah ayat walaupun bukan Kata Nama Khas telah ditegur pada mulanya. Namun dalam ujian pencapaian, Doe telah menunjukkan prestasi yang baik dan tidak mengulangi kesilapan yang sama.

Pencapaian Ray memuaskan hati saya dan bagi pihak saya pula saya tetap menganggap ini satu kejayaan besar dalam bidang kajian saya. Ini kerana Ray tidak keliru dan benar-benar faham dengan penggunaan huruf besar dan huruf kecil dalam penulisan Bahasa Melayu.

Selain Doe dan Ray, murid-murid lain juga telah menunjukkan peningkatan dalam menggunakan huruf besar dan huruf kecil serta tanda baca dengan baik dalam penulisan mereka.

Refleksi Pembelajaran Kendiri

Melalui penyelidikan ini, saya sedar bahawa melaksanakan penyelidikan tindakan adalah penting terutama sekali dalam P&P untuk meningkatkan lagi mutu pengajaran. Sebagai contoh, penyelidikan ini membantu murid-murid untuk mengatasi masalah penggunaan huruf besar dan huruf kecil dalam penulisan melalui pengaplikasian teori kecerdasan pelbagai imej visual.

Melalui kajian ini, saya sendiri telah membina satu hubungan yang positif antara saya dengan murid-murid serta guru-guru lain. Saya juga telah meningkatkan kawalan emosi saya untuk lebih bersabar apabila murid-murid masih melakukan kesilapan yang sama. Selain itu, saya telah mendalami bidang pengajian saya dengan menggunakan kaedah ini untuk memudahkan saya mengenal pasti masalah murid terutama sekali dalam penggunaan huruf besar dan huruf kecil dalam penulisan Bahasa Melayu.

Cadangan tindakan untuk kitaran seterusnya

Saya boleh mengaplikasi kaedah ini di sekolah lain pada masa akan datang kerana saya yakin akan kebolegunaan kaedah ini. Sekiranya saya masih mengajar murid-murid yang sama di sekolah ini, saya bercadang untuk memberi penekanan kepada ejaan murid dalam penulisan. Terdapat juga masalah lain kesilapan ejaan yang kerap berlaku dalam penulisan murid-murid saya terutama sekali ialah Doe dan Ray. Namun begitu, saya akan menggunakan kaedah yang sama iaitu kaedah imej visual kerana murid-murid saya sangat serasi dengan kaedah ini. Saya juga bercadang untuk menggabungkan kecerdasan imej visual dengan kecerdasan muzik boleh meningkatkan lagi pemahaman dan tumpuan murid-murid terhadap pengajaran yang tindakan yang hendak dilaksanakan.

RUJUKAN

- Campbell, B. (1989). *Multiplying Intelligence in the Classroom*. Diperoleh pada 20 Februari 2012 di <http://www.newhorizons.org/strategies/mi/campbell3.htm>
- Carmelya. (2010). Artikel Penyelidikan Tindakan IPG Kampus Batu Lintang-2010.
- Dansereau, D. F. (1980). *Validity of learning strategies/skills training*. Final report.
- Gardner, H. (1994). *Howard Gardner, multiple intelligences and education*. Diperoleh pada 15 Mac 2012 di <http://www.infed.org/thinkers/gardner.htm>
- Jacqueline Martin (1996). *Fishy Story*. Diperoleh pada 9 Februari di <http://www.ipbl.edu.my/BM/penyelidikan/JurnalActionResearch/2006/4%20jacqueline.pdf>.
- Jerome Agong, Jamurah Galitang & Sobina Boisi (2008) . *Meningkatkan kemahiran Menulis Ayat Menggunakan Perkataan Yang Diberi Berdasarkan Gambar dalam penulisan Bahasa Inggeris, Kertas 2, Bahagian C, Tahun 6 dengan menggunakan Kaedah Keretapi Ayat*. Diperoleh pada 10 Februari 2012 di <http://ilmu.edublogs.org/2008/06/12>.
- Mohammad Nasir Ibrahim & Iberahim Hassan. (2003). *Pendidikan Seni untuk maktab dan universiti*. Pahang Darul Makmur: PTS Publications.

- Ribot, N. (2004). *My Experience Using the Multiple Intelligences. New Horizons for Learning*. Diperoleh pada 10 Februari di <http://www.newhorizons.Org/trans/international/ribot.htm>.
- Rina Chew (1992). *An Experimental Programme in Using Videotapes for Language Teaching*. Diperoleh pada 10 Februari 2102 di http://www.ipbl.edu.my/Bm%20penyelidikan/1992/_3_Rina.pdf.
- Zailan Jeman (1995). *BESAR dan kecil*. Diperoleh pada 9 Februari 2012 di <http://www.ipbl.edu.my/BM/penyelidikan/JurnalActionResearch/2005/7zailan.pdf>
- Zaridah Zuber (2004). *Meningkatkan Kemahiran Penggunaan Huruf Besar Bagi Murid Tahun 2 Pandai Menggunakan Teknik Warna*. Diperoleh pada 9 Februari 2012 di <http://zaridahzuber.blogspot.com/2009/05/kertas-cadangan-kajian-tindakan.html>.